

# Kubur Ngah Ibrahim sah di Singapura

UM - 5/9/2006

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Persoalan sama ada jenazah pahlawan Melayu, Orang Kaya Menteri Ngah Ibrahim disemadikan di Perak atau Singapura, terjawab apabila kuburnya disahkan berada di makam Al-Junid di republik tersebut oleh pakar sejarah.

Pengarah Muzium Seni Asia Universiti Malaya (UM), Prof. Dr. Othman Yatim berkata, pusara milik pahlawan Melayu itu berjaya dikesan dalam satu misi pencarian yang turut disertainya di Singapura pada 3 Ogos 2004.

Katanya, dalam misi tersebut beliau bersama Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Datuk Dr. Wan Mohd. Isa Wan Ahmad dan Pengarah Arkeologi Jabatan Muzium dan Antikuiti, Kamarudin Zakaria berjaya mengesan kedudukan pusara Ngah Ibrahim selepas terlihat sebuah batu nisan yang bertulis huruf jawi 'Orang Kaya Menteri Ibrahim bin Jaafar Larut' di makam berkenaan.

"Pada awalnya agak sukar juga kita mengesan pusara ini dan beberapa kali juga kita hampa apabila menemui pusara orang lain dan bukannya milik Ngah Ibrahim.

"Akhirnya kira-kira pukul 3.45 petang, Datuk Dr. Wan terpandang satu pusara dengan batu nisan yang telah patah dan kami tergerak memeriksanya. Setelah diteliti sahlah pusara ini milik Ngah Ibrahim," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari.

Beliau mengulas dakwaan seorang lelaki yang mengaku dirinya anak bongsu kepada Orang Kaya Menteri Ngah Ibrahim dan mendakwa pahlawan Melayu itu mati dan dikebumikan di Kampung Dendang, dekat Beruas dan bukannya di Singapura seperti yang tercatat dalam sejarah.

Sementara itu, Wan Mohd. Isa Wan Ahmad menjelaskan bahawa Muzium Negara telah membuat kajian mengenai dakwaan bahawa pahlawan Perak, Ngah Ibrahim dikebumikan di Kampung Dendang dekat Beruas lewat 80-an dan didapati ia tidak tepat.

Othman menambah, berdasarkan fakta sejarah selepas Ngah Ibrahim didapati terbabit dengan pembunuhan Residen Inggeris Perak, J.W.W Birch pada tahun 1875, beliau telah dibuang negeri ke kepulauan Seychelles.

"Selepas itu Ngah Ibrahim dipindahkan ke Singapura sebagai seorang tahanan. Beliau pernah memohon kepada Inggeris untuk pulang ke Perak tetapi permintaannya tidak dilayan.

"Ngah Ibrahim kemudian dipindahkan ke Sarawak sebelum kembali ke Singapura dan akhirnya meninggal dunia di republik tersebut pada 4 Februari 1895," ujarnya.

Beliau berkata, tarikh kematiannya itu tercatat dalam satu latihan ilmiah universiti yang dibuat oleh Wee Choon Siang pada tahun 1952.